

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2003

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN ATENDAN KESIHATAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan pindaan terhadap skim perkhidmatan Atendan Kesihatan U1, U2, U12 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Skim perkhidmatan Atendan Kesihatan Gred U1, U2, U12 menetapkan syarat lantikan di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan. Penetapan syarat lantikan sedemikian adalah selaras dengan skop tugas yang dilaksanakan oleh anggota pada masa itu. Walau bagaimanapun, kini skop tugas dan tanggungjawab Atendan Kesihatan telah berubah. Perubahan ini memerlukan anggota memiliki kemahiran tertentu dan tidak lagi hanya tertumpu kepada tugas berbentuk fizikal seperti mengangkat dan membersihkan semata-mata. Oleh yang demikian, syarat kelayakan bagi skim perkhidmatan ini perlu ditingkatkan bagi memastikan anggota dalam perkhidmatan mampu memikul tanggungjawab yang baru itu.

PINDAAN

3. Skim perkhidmatan Atendan Kesihatan Gred U1, U2, U12 yang berkuat kuasa sekarang dipinda seperti berikut:-

- (a) pindaan gred skim perkhidmatan kepada **Gred U3, U12, U14**;
- (b) perbekalan syarat lantikan di perenggan 1(c) skim perkhidmatan berkenaan digantikan dengan peruntukan baru, iaitu **Tamat Tingkatan Tiga sekolah menengah bantuan penuh kerajaan**; dan
- (c) perbekalan kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) di perenggan 11 skim perkhidmatan Atendan Kesihatan dipinda dengan memperuntuk perbekalan KPSL ke skim perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26, Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11, U14 dan Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14.

4. Skim perkhidmatan Atendan Kesihatan yang baru adalah seperti di **Lampiran A**. Contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran B**. Pindaan perbekalan kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) bagi skim-skim perkhidmatan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran C**.

PELAKSANAAN

5. Semua anggota Atendan Kesihatan Gred U1, U2, U12 yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Atendan Kesihatan Gred U3, U12, U14 mengikut gred ke gred iaitu Gred U1 ke Gred U3, Gred U2 ke Gred U12 dan Gred U12 ke Gred U14.

6. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Atendan Kesihatan Gred U3, U12, U14 secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Atendan Kesihatan Gred U1, U2, U12.

Pemberian Opsyen

7. Dengan terlaksananya skim perkhidmatan Atendan Kesihatan Gred U3, U12, U14, Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan akan mengeluarkan opsyen tukar lantik kepada anggota yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Atendan Kesihatan Gred U1, U2, U12 bagi membolehkan anggota membuat pilihan. Anggota yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Atendan Kesihatan Gred U3, U12, U14. Pilihan yang dibuat adalah muktamad.

8. Anggota yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Anggota yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat akan dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam perkhidmatan hakiki sekarang secara Khas Untuk Penyandang.

9. Tawaran opsyen ini diberi kepada anggota yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan dalam perkhidmatan Atendan Kesihatan Gred U1, U2, U12 serta telah menerima tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia.

10. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Atendan Kesihatan Gred U1, U2, U12 yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan

- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.
11. Atendan Kesihatan Gred U1, U2, U12 yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.
 12. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada mereka yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 10, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.
 13. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan, borang opsyen adalah seperti di **Lampiran D, D1, D2 dan D3**.
 14. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan anggota dalam lantikan sementara/kontrak/sambilan.

Kaedah Pelarasan Gaji

15. Gaji anggota Atendan Kesihatan Gred U1, U2, U12 akan diselaraskan kepada Atendan Kesihatan Gred U3, U12, U14 mengikut gred ke gred yang berkenaan. Kaedah pelarasan gaji anggota adalah seperti berikut:
 - (a) gaji anggota yang belum disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di P1;
 - (b) gaji anggota yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah diselaraskan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1), tetapi tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak

dapat menampung gaji permulaan yang layak dibayar, maka gaji permulaan boleh ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan; dan

- (c) anggota yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah (b) di atas, maka sifir pemindahan gaji Khas Untuk Penyandang hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
16. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh anggota dalam tahun pertukaran pelantikan itu dikuatkuasakan, hendaklah diberi di jawatan baru.
17. Jadual Gaji Matriks bagi perkhidmatan Atendan Kesihatan seperti di **Lampiran E** dan contoh kaedah pelarasannya adalah seperti di **Lampiran F, F1 dan F2**.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

18. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi anggota yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

19. Dalam melaksanakan skim perkhidmatan yang baru ini, Ketua Jabatan dan anggota yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah pelaksanaan opsyen yang ditetapkan seperti berikut:

Ketua Jabatan

- (a) menawarkan opsyen kepada anggota terlibat dan memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada anggota dan implikasi keputusan yang

dibuat;

- (b) berhubung dengan Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk urusan pindaan perjawatan Atendan Kesihatan Gred U1, U2, U12 ke jawatan Atendan Kesihatan Gred U3, U12, U14 sewajarnya selepas urusan opsyen pertukaran pelantikan ini selesai; dan
- (c) mengemaskini Buku Kenyataan Perkhidmatan anggota yang terlibat selaras dengan perubahan yang berkaitan.

Anggota

- (a) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, anggota hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah muktamad;
- (b) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu salinan lagi untuk anggota berkenaan; dan
- (c) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran.

TARIKH KUAT KUASA

20. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Atendan Kesihatan yang baru ini ialah mulai **1 Januari 2004**.


PEMBATALAN

21. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Atendan Kesihatan yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan kecuali bagi menampung anggota yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini.

PEMAKAIAN

22. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

7 November 2003

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan.

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN ATENDAN KESIHATAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2004

Gred	Jadual Gaji Matriks				
Gred U3	: P1T1	RM525.62	-	P1T18	RM1076.17
	P2T1	RM557.08	-	P2T18	RM1134.25
	P3T1	RM589.75	-	P3T18	RM1193.54
Gred U12	: P1T1	RM547.40	-	P1T22	RM1308.49
	P2T1	RM611.53	-	P2T22	RM1442.80
Gred U14	: P1T1	RM1031.40	-	P1T10	RM1483.94
	P2T1	RM1114.89	-	P2T10	RM1637.61

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - tamat Tingkatan Tiga sekolah menengah bantuan penuh kerajaan;dan
 - boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U3 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
- Atendan Kesihatan Gred U3 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
- Atendan Kesihatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
- Atendan Kesihatan Gred U3 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- Atendan Kesihatan Gred U3 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Atendan Kesihatan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U12**
9. Atendan Kesihatan Gred U3 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Atendan Kesihatan Gred U12 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U14**
10. Atendan Kesihatan Gred U12 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Atendan Kesihatan Gred U14 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT, PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN, PEMBANTU KESIHATAN AWAM**
11. Atendan Kesihatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11, Pembantu Kesihatan Awam Gred U11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

LAMPIRAN B

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Atendan Kesihatan
(b) Kementerian/Jabatan :
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan
2. Jadual Gaji : Gaji Matriks

Gred U3	P1T1 RM 525.62 - P1T18 RM1076.17 P2T1 RM 557.08 - P2T18 RM1134.25 P3T1 RM 589.75 - P3T18 RM1193.54
Gred U12	P1T1 RM 547.40 - P1T22 RM1308.49 P2T1 RM 611.53 - P2T22 RM1442.80
Gred U14	P1T1 RM1031.40 - P1T10 RM1483.94 P2T1 RM1114.89 - P2T10 RM1637.61
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) tamat Tingkatan Tiga sekolah menengah bantuan penuh kerajaan;
 - dan (d) boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
4. Taraf Jawatan : Tetap

5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Anggota yang memasuki Perkhidmatan Atendan Kesihatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas pembersihan dan membantu melaksanakan tugas-tugas asas berkaitan penjagaan pesakit, penyediaan peralatan berkaitan, mengambil dan merekod data pesakit dan sebagainya di unit-unit tertentu.

LAMPIRAN C

PINDAAN KE ATAS SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

Perbekalan Dalam Skim Perkhidmatan Sekarang	Pindaan
<p>(i) Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, F14</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<p>(ii) Pengawas Hutan Gred G11, G14</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK) (Pekerja Hutan), Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(b) (i) mempunyai Sijil Perhutanan (Pengawas Hutan) daripada Sekolah Latihan Perhutanan Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh</p>	<p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK) (Pekerja Hutan), Pembantu Am Rendah dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(b) (i) mempunyai Sijil Perhutanan (Pengawas Hutan) daripada Sekolah Latihan Perhutanan Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh</p>

Perbekalan Dalam Skim Perkhidmatan Sekarang	Pindaan
<p>kerajaan [Syarat ini dikecualikan untuk PRAK (Pekerja Hutan)]; dan</p> <p>(ii) lulus peperiksaan yang berkaitan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan bagi PRAK (Pekerja Hutan) atau lulus Peperiksaan Khas bagi perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dinyatakan di atas; dan</p> <p>(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>kerajaan [Syarat ini dikecualikan untuk PRAK (Pekerja Hutan)]; dan</p> <p>(ii) lulus peperiksaan yang berkaitan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan bagi PRAK (Pekerja Hutan) atau lulus Peperiksaan Khas bagi perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dinyatakan di atas; dan</p> <p>(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<p>(iii) Ahli Bomba Gred KB11, KB14, KB16</p> <p>Perenggan 3 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Ahli Bomba Gred KB11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>Perenggan 3 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Ahli Bomba Gred KB11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<p>(iv) Pengawal Keselamatan KP11, KP14</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p>	<p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p>

Perbekalan Dalam Skim Perkhidmatan Sekarang	Pindaan
<p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<p>(v) Pegawai Penjara KX11, KX14, KX18, KX22, KX24</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas;</p> <p>(b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti di perenggan 1(d) di atas; dan</p> <p>(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penjara Gred KX11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas;</p> <p>(b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti di perenggan 1(d) di atas; dan</p> <p>(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<p>(vi) Pembantu Kamera/Pemandu N3, N12</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p>	<p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Kamera/Pemandu Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p>

Perbekalan Dalam Skim Perkhidmatan Sekarang	Pindaan
<p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) memenuhi syarat di perenggan 1(d) di atas;</p> <p>(b) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) memenuhi syarat di perenggan 1(d) di atas;</p> <p>(b) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<p>(vii) Bentara Parlimen N3, N12</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Bentara Parlimen Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Bentara Parlimen Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<p>(viii) Penghantar Notis Gred N3, N12</p> <p>Perenggan 1 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penghantar Notis Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh</p>	<p>Perenggan 1 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penghantar Notis Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh</p>

Perbekalan Dalam Skim Perkhidmatan Sekarang	Pindaan
<p>kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(ii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N3: P1:T2); atau</p> <p>(iii) lulus Peperiksaan Khas;</p> <p>(b) mempunyai lesen menunggang motosikal yang sah; dan</p> <p>(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau</p> <p>(ii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred N3: P1:T2); atau</p> <p>(iii) lulus Peperiksaan Khas;</p> <p>(b) mempunyai lesen menunggang motosikal yang sah; dan</p> <p>(c) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<p>(ix) Penyelia Jeti Gred N3, N12</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penyelia Jeti Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penyelia Jeti Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<p>(x) Operator Wayarles Gred N11, N14</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p>	<p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p>

Perbekalan Dalam Skim Perkhidmatan Sekarang	Pindaan
<p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Wayarles Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Wayarles Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>
<p>(xi) Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, N14</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan, Atendan Haiwan, Bentara Parlimen, Pengawas Pemulihan, Penghantar Notis, Penyelamat dan Penyelia Jeti adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; atau</p> <p>(iii) lulus Peperiksaan Khas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di bawah; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Haiwan, Bentara Parlimen, Pengawas Pemulihan, Penghantar Notis, Penyelamat dan Penyelia Jeti adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau</p> <p>(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</p> <p>(iii) lulus Peperiksaan Khas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 3 di bawah; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>

Perbekalan Dalam Skim Perkhidmatan Sekarang	Pindaan
<p>(xii) Jururawat Desa Gred U17, U22</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jururawat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Desa Gred U17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas;</p> <p>(ii) memiliki Sijil Perbidanan yang diiktiraf oleh kerajaan; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.</p>	<p>Jururawat Masyarakat Gred U19, U24, U26</p> <p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jururawat dan Atendan Kesihatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan</p>
<p>(xiii) Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11, U14</p> <p>-tiada-</p>	<p>Perenggan 2 Perbekalan Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan</p> <p>Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Atendan Kesihatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-</p> <p>(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan</p> <p>(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan</p>

LAMPIRAN 'D'

(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Melantik)

Tarikh :

Bil. :

Nama :

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan :

Tuan/Puan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE PERKHIDMATAN ATENDAN KESIHATAN DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, DI (Nama Agensi)

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa tuan/puan ditawarkan pertukaran pelantikan ke perkhidmatan Atendan Kesihatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) mulai pada (tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan) mengikut syarat-syarat berikut:-

1. Tuan/Puan akan diberi gaji P..T.. RM atas gred gaji *U3/U12/U14.
2. Tuan/Puan akan tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran ini dan di Lampiran 'D1'.
3. Tuan/Puan diminta mengisi, menandatangani dan mengembalikan borang opsyen seperti di Lampiran 'D2' kepada Pihak Berkuasa Melantik tidak lewat dari

(Tandatangan)
Pihak Berkuasa Melantik

* Potong mana yang tidak berkenaan.

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE PERKHIDMATAN ATENDAN KESIHATAN (UNTUK ANGGOTA TETAP SAHAJA)

1. Kerajaan telah memutuskan mewujudkan skim perkhidmatan Atendan Kesihatan Gred U3, U12, U14. Dengan keputusan itu, tuan/puan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan Atendan Kesihatan di bawah Klasifikasi Perubatan dan Kesihatan ataupun jika menolak akan kekal dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**. **OPSYEN**
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah selama tiga puluh (30) hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan yang baru pada gred yang setaraf dengan jawatan tuan/puan di jawatan lama bergantung kepada skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. Gelaran jawatan tuan/puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. **JAWATAN YANG DITAWARKAN**
4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU**
5. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan akan ditawarkan gaji permulaan berdasarkan prinsip 'matagaji tertinggi berhampiran' dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1). Tuan/puan yang telah disahkan dalam perkhidmatan akan ditawarkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat P1 (P1) tetapi tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di **GAJI PERMULAAN**

Peringkat 3 (P3) jika matagaji di P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan. Tuan/puan yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah di atas, maka sifir pemindahan gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) di jawatan baru hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

6. Tarikh pergerakan gaji tuan/puan berubah mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TARIKH PERGERAKAN GAJI**
7. Tuan/Puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam jawatan asal atau tuan/puan ditukar lantik ke jawatan gred kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun untuk tujuan pensen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam jawatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**
8. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam jawatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**
9. Kekananan tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan. **KEKANANAN**
10. Jika tuan/puan belum disahkan dalam jawatan dan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak diberi opsyen skim KWSP. **OPSYEN SKIM KWSP**
11. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
12. Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. **CUTI REHAT**
13. Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan. **PENEMPATAN**

14. Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **KETUA PERKHIDMATAN**
15. Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
16. Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam jawatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
17. Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004. **TARIKH KUAT KUASA**
18. Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL**

BORANG OPSYEN

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI
PEMBERIAN OPSYEN KE PERKHIDMATAN ATENDAN
KESIHATAN DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
PERUBATAN DAN KESIHATAN DI (Nama Agensi)**

Berhubung dengan surat tuan bil.
bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat
pilihan sendiri seperti berikut:-

* (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan ke perkhidmatan Atendan
Kesihatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di
 (Nama Agensi) dengan menerima gaji P..T.. sebanyak RM..... sebulan
atas gred gaji U3/U12/U14**.

* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan ke perkhidmatan
Atendan Kesihatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan

Kesihatan di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarih dan implikasi pilihan sendiri ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....
SAKSI***
(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

-
- * Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.
 - ** Potong mana tidak berkenaan
 - *** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

LAMPIRAN E**JADUAL BILANGAN U-3****PERUBAHAN STRUKTUR GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
SOKONGAN****(RM SEBULAN)****I. GRED GAJI SSM : U3****II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : UA03000****III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004****JADUAL GAJI SSM : U3**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18
P1	525.62	555.87	586.12	616.37	646.62	676.87	707.12	737.37	767.62	800.29	832.96	865.63	898.30	930.97	967.27	1003.57	1039.87	1076.17
P2	557.08	588.54	620.00	651.46	682.92	714.38	745.84	777.30	811.18	845.06	878.94	912.82	946.70	984.21	1021.72	1059.23	1096.74	1134.25
P3	589.75	622.42	655.09	687.76	720.43	753.10	785.77	820.86	855.95	891.04	926.13	961.22	999.94	1038.66	1077.38	1116.10	1154.82	1193.54

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : U12

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : UA12000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI SSM : U12

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22
P1	547.40	577.65	607.90	638.15	668.40	698.65	728.90	759.15	789.40	829.33	869.26	909.19	949.12	989.05	1028.98	1068.91	1108.84	1148.77	1188.70	1228.63	1268.56	1308.49
P2	611.53	644.20	676.87	709.54	742.21	774.88	807.55	849.90	892.25	934.60	976.95	1019.30	1061.65	1104.00	1146.35	1188.70	1231.05	1273.40	1315.75	1358.10	1400.45	1442.80

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : U14

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : UA14000

III. TARIKH KUAT KUASA : 1.1.2004

JADUAL GAJI SSM : U14

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10
P1	1031.40	1071.33	1111.26	1164.50	1217.74	1270.98	1324.22	1377.46	1430.70	1483.94
P2	1114.89	1172.97	1231.05	1289.13	1347.21	1405.29	1463.37	1521.45	1579.53	1637.61

LAMPIRAN F

**KAEDAH PELARASAN GAJI PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI ATENDAN
KESIHATAN GRED U1 KEPADA ATENDAN KESIHATAN GRED U3**

Kaedah Pelarasan Gaji Kepada Matagaji Baru Di Peringkat (P) 1 Gred U3
(Anggota Telah Disahkan Dalam Perkhidmatan)

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2004

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U1 (RM)	Gaji Baru Gred U3 (RM)	Catatan
31.12.2003	968.48 (P3T14)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2004	968.48 (P3T14)	1003.57 (P1T16)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada anggota.
1.1.2004	-	1039.87 (P1T17)	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberikan di jawatan baru (Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM).
1.1.2005	-	1076.17 (P1T18)	TPG jawatan baru (Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN F1

KAEDAH PELARASAN GAJI PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI ATENDAN KESIHATAN GRED U1 KEPADA ATENDAN KESIHATAN GRED U3

Kaedah Pelarasan Gaji Kepada Matagaji Tertinggi Berhampiran
Di Peringkat (P) 1 Gred U3
(Anggota Belum Disahkan Dalam Perkhidmatan)

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2004

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U1 (RM)	Gaji Baru Gred U3 (RM)	Catatan
31.12.2003	509.89 (P1T2)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2004	509.89 (P1T2)	525.62 (P1T1)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada anggota.
1.4.2004	-	555.87 (P1T2)	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberikan di jawatan baru (Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM).
1.1.2005	-	586.12 (P1T3)	TPG jawatan baru (Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN F2

KAEDAH PELARASAN GAJI PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI ATENDAN KESIHATAN GRED U12 KEPADA ATENDAN KESIHATAN GRED U14

Kaedah Pelarasan Gaji Kepada Matagaji Baru Di Peringkat (P) 1 Gred U14

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2004

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U12 (RM)	Gaji Baru Gred U14 (RM)	Catatan
31.12.2003	909.19 (P1T12)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2004	909.19 (P1T12)	1031.40 (P1T1)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada anggota.
1.7.2004	-	1071.33 (P1T2)	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberikan diberi di jawatan baru (Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM).
1.1.2005	-	1111.26 (P1T3)	TPG jawatan baru (Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji